

lokal

Oleh Ibrahim Isa, Mary Victoria Dass dan Adnan Ibrahim  
cnews@nstp.com.my

# Sembilan daerah bah

5,592 penduduk di Johor dipindah akibat banjir terburuk sejak 2006

Johor Bahru

Negeri Johor hampir tenggelam sepenuhnya akibat bah apabila sembilan dari 10 daerah di negeri ini dilanda banjir besar susulan hujan lebat sejak kelmarin.

Difahamkan hanya daerah Tangkak masih terselamat daripada bencana banjir manakala Johor Bahru dan Pontian menjadi daerah terbaru dinaiki air sehingga jam 5 petang semalam.

Bencana alam itu mengakibatkan seramai 5,592 mangsa daripada 1,549 keluarga terpaksa mendapatkan perlindungan di 63 Pusat Pemindahan Sementara (PPS) setakat jam 5 petang semalam.

Ja boleh dianggap bencana

besar dan antara terburuk dialami negeri ini sejak 2006 apabila semua daerah di negeri ini ditenggelami banjir besar hingga menenggelamkan lebih 10,000 rumah serta premis perniagaan terutama di Kota Tinggi dan Segamat ketika itu.

Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Johor berkata, sebanyak dua PPS dibuka di Johor Bahru bagi menempatkan seramai 550 mangsa daripada 145 keluarga manakala satu PPS dibuka di Pontian (109 mangsa) dari 28 keluarga.

Katanya, PPS lain yang dibuka adalah dua di Kulai (90 mangsa) 30 keluarga, Kluang (20) menempatkan 1,296

mangsa (394 keluarga), Kota Tinggi (12) membabitkan 1,257 mangsa (925 keluarga), Mersing (10) menempatkan seramai 1,282 mangsa (363 keluarga).

Selain itu, Segamat (11) menempatkan 945 mangsa (249 keluarga); Batu Pahat (dua) menempatkan seramai 38 mangsa (lapan keluarga) dan Muar (satu) menempatkan 25 mangsa (tujuh keluarga).

Menurutnya, hanya satu PPS di daerah Kluang iaitu Balai Raya Kampung Melayu Batu Empat Paloh ditutup sepenuhnya pada 9 malam kelmarin, selepas keadaan rumah mangsa didapati selamat diduduki semula.

"Dua jalan di Kampung Tunjuk Laut dan satu Jalan Kampung Mawai Lama, Kota Tinggi masih



**Pengguna dilarang menghampiri aset dan pemasangan TNB seperti Tiang Elektrik TNB, Pencawang Elektrik TNB"**

Baderul Sham Saad

ditutup kepada semua kenderaan.

"Manakala Jalan Mawai - Bukit Samsu, Jalan Mawai-Sedili, Selekoh Batu 19 Jalan Utama Kota Tinggi dan Batu 17 serta Batu 18 Kota Tinggi ditutup kepada semua kenderaan," katanya.

Sementara itu, banjir kilat menyebabkan paras air di beberapa batang sungai utama di Johor meningkat mendadak Mengikut rekod

Jabatan Perairan dan Saliran (JPS) Johor, Sungai Lenik di Ladang Chaah, Segamat sudah melebihi paras bahaya apabila merekodkan paras 6.98 meter pagi semalam, berbanding paras normal iaitu 6 meter.

Sungai Skudai di Kampung Separa pula melepasi paras amaran apabila mencatat bacaan 17.49 meter berbanding paras normal 17.4 meter.

Sebanyak tujuh sungai lagi di negeri ini merekodkan paras melebihi paras berjaga-jaga pagi tadi termasuk Sungai Bandar Segamat yang mencatat paras 8.31 meter berbanding paras normal 7.92 meter. Sementara


itu, Ketua (Perkhidmatan Pelanggan) Bahagian Retail Tenaga Nasional Berhad (TNB) Johor, Datuk Baderul Sham Saad menasihatkan penduduk di kawasan terjejas banjir supaya mematuhi segala aturan keselamatan elektrik antaranya bagi mereka yang meninggalkan rumah ke (PPS).

Menurutnya, orang ramai perlu memastikan suis utama ditutup, segala peralatan elektrik di asing dan ditempatkan di tempat tinggi.

"Pengguna dilarang menghampiri aset dan pemasangan TNB seperti Tiang Elektrik TNB, Pencawang Elektrik TNB. "Jika terlihat wire dan pemasangan TNB terjatuh di lantai, sila hubungi TNB di talian 15454 dengan segera," katanya.



LALUAN Batu 17 Jalan Kluang ke Kahang berhampiran Ladang Pemprosesan Kelapa Sawit Pertubuhan Peladang Negeri Johor hanya boleh dilalui oleh kenderaan berat.



SEORANG penduduk terpaksa menaiki sampan untuk melihat keadaan rumahnya di Kampung Contoh, Kahang.



ANGGOTA penyelamat berusaha memindahkan seorang wanita hidup penyakit kronik di Jalan Rolan Air Segamat.